

## **KEMPEN RAYA 2023 HONG LEONG SUPERREMIT TANPA FI KE INDONESIA**

Dikemaskini pada 15 Mac 2023

### **TEMPOH KEMPEN**

“**Kempen Raya 2023 Hong Leong SuperRemit Tanpa Fi ke Indonesia**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (secara kolektif disebut “**Bank**”) bermula pada 17 Mac 2023 dan berakhir pada 30 April 2023, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat Kempen (“**T&S**”) adalah seperti berikut:

### **KELAYAKAN**

1. Kempen terbuka kepada pelanggan individu Bank yang melakukan transaksi SuperRemit semasa Tempoh Kempen (“**Pelanggan Layak**”).
2. Golongan berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
  - (a) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen; dan
  - (b) Pelanggan yang menurut penentuan Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.

### **KAEDAH KEMPEN**

3. Semua Pelanggan Layak yang melakukan transaksi Hong Leong SuperRemit ke Indonesia melalui HLB Connect dan Melalui Kaunter di mana-mana cawangan Bank (secara kolektif disebut “**Transaksi SuperRemit**”) semasa Tempoh Kempen akan secara automatik berhak menikmati pengecualian fi atas Transaksi itu (“**Tawaran Kempen**”).
4. Fi menurut Fasal 3 di atas bermaksud caj kabel berjumlah antara Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) hingga Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) bagi setiap transaksi yang dikenakan ke atas SuperRemit Transaksi yang dibuat.
5. Tawaran Kempen ialah bagi Transaksi Hong Leong SuperRemit yang dibuat dalam mata wang Rupiah Indonesia (IDR) yang ditawarkan oleh Bank
6. Tiada had dikenakan atas bilangan SuperRemit Transaksi yang dibenarkan bagi Pelanggan Layak untuk menikmati Tawaran Kempen.
7. Walau bagaimanapun, semua SuperRemit Transaksi yang dibuat melalui HLB Connect dan Melalui Kaunter di bawah Kempen ini adalah tertakluk kepada segala caj lain yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, caj bank penerima. Bank tidak akan bertanggungjawab membayar apa-apa caj lain yang berkenaan yang mungkin dikenakan ke atas Pelanggan Layak.
8. Hanya SuperRemit Transaksi yang berjaya diluluskan dan disempurnakan semasa Tempoh Kempen layak menikmati Tawaran Kempen.

### **UMUM**

9. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan tidak mempunyai kawalan langsung terhadap kesesakan trafik rangkaian, kegagalan dan/atau gangguan rangkaian yang mungkin dialami

penyedia perkhidmatan telekomunikasi berkenaan bila berlaku kelewatan perkhidmatan mereka dan sebarang kelewatan penyampaian atau pemprosesan SuperRemit Transaksi.

10. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak dengan ini:
  - (a) bersetuju bahawa semua rekod SuperRemit Transaksi yang dirakam oleh Bank semasa Tempoh Kempen adalah muktamad;
  - (b) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat yang dilampirkan pada Borang Kiriman Wang dan Terma dan Syarat Pemindahan Luar Negeri di <https://www.hlb.com.my/content/dam/hlb/my/docs/pdf/Personal/Remittance/overseas-transfer/hlb-remittance-overseas-transfer-tnc-bm.pdf>
  - (c) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi Bank;
  - (d) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di [www.hlb.com.my/zerofeecampaign](http://www.hlb.com.my/zerofeecampaign) dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan T&S; dan
  - (e) bersetuju bahawa keputusan Bank atas segala hal berkaitan dengan Kempen adalah tepat, dan muktamad serta mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak.
  
11. Bank berhak:
  - (a) memberi notis awal kepada Pelanggan Layak tentang menambah, menggugurkan atau meminda T&S dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Kempen dan;
  - (b) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak daripada menyertai Kempen sekiranya mana-mana akaun simpanan/akaun simpanan-i atau akaun semasa/akaun semasa-i Pelanggan Layak ditutup oleh Pelanggan Layak itu dan/atau oleh Bank atas apa jua sebab pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  
12. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat yang dilampirkan pada Borang Permohonan Kiriman Wang (RAF) dan Terma dan Syarat Pemindahan Luar Negara hendaklah dibaca bersama dengan T&S di sini sebagai keseluruhan perjanjian. Jika terdapat percanggahan, T&S tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
  
13. Jika terdapat percanggahan antara T&S di dalam ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka, terma dan syarat muktamad seperti terdapat dalam Laman Web Kempen hendaklah diutamakan.
  
14. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
  
15. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan mengenai terma dan syarat, sila hantar emel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)